

NO. SOALAN :514

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

SOALAN

TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini Projek Empangan Air Tawau dan semua projek empangan air di Sabah termasuk kos, yang dalam perancangan, tempoh dan tarikh siap pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, projek pembinaan Empangan Tawau ini telah diluluskan di dalam *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia ke-11 (RP1 RMKe-11). Projek telah dimulakan pada 26 Disember 2017 (tarikh milik tapak) dan dijangka mengambil masa selama 36 bulan dengan tarikh siap pada 26 Disember 2020. Kos kontrak bagi projek ini adalah sebanyak RM450,498,893.11 dan dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan. Status terkini projek ini adalah di dalam peringkat kerja-kerja awalan dan penyediaan tapak.
2. Selain dari projek pembinaan Empangan Tawau, tiada projek empangan bekalan air lain yang dibiayai di bawah pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

.....